

---

## PERATURAN PING PONG

### 1. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

- 1.1. Selain daripada peraturan AM MSKPP Johor, pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang Persekutuan Ping-pong Antarabangsa (ITTF) yang sedang berkuatkuasa sekarang.

### 2. PEMBENTUKAN PASUKAN

- 2.1. Setiap MSKPP Daerah dibenarkan menghantar sekurang-kurangnya 2 pemain perseorangan (Lelaki & Perempuan) dan 1 pasukan bergu.
  - 2.1.1. Perseorangan lelaki – 2 peserta
  - 2.1.2. Perseorangan Wanita – 2 peserta
  - 2.1.3. Bergu Lelaki – 1
  - 2.1.4. Bergu Wanita - 1
- 2.2. Bagi setiap pemain lelaki atau wanita dibenarkan bermain dalam **dua acara**, iaitu **satu perseorangan dan satu bergu**.

### 3. SISTEM PERTANDINGAN

- 3.1. Rujuk Peraturan Am MSKPP Johor.
- 3.2. Pertandingan bagi kategori individu dan bergu yang dijalankan adalah secara kalah mati. Bilangan set adalah best of 5.
- 3.3. Bagi tujuan menentukan Johan keseluruhan, pemenang setiap kategori berdasarkan system mata (5,3,2 dan 1,). Daerah yang mengumpulkan mata terbanyak dikira pemenang dan jika berlaku persamaan mata; Johan, Naib Johan, Ketiga dan Keempat terbanyak menentukan kedudukan Daerah tersebut.
- 3.4. Tiada pertandingan dalam pasukan bagi kejohanan kali ini.

### 4. JENAMA & SAIZ BOLA PING PONG

- 4.1. Jenama bola yang akan digunakan adalah jenis **TIBHAR** bewarna **jingga**.
- 4.2. Saiz bola ping pong yang digunakan adalah 40mm.

## **5. PAKAIAN PEMAIN**

- 5.1. Pemain-pemain hendaklah memakai pakaian sukan yang sesuai semasa pertandingan. Pakaian yang bewarna jingga atau berjalur jingga adalah tidak dibenarkan.

## **6. PENGADIL**

- 6.1. Pengadil akan disediakan oleh Pengelola.

## **7. KEMENANGAN PERCUMA**

- 7.1. Kemenangan percuma akan diberikan kepada pihak lawan sekiranya sesuatu pasukan itu gagal berada digelanggang perlawanan 15 minit selepas waktu yang ditetapkan.

## **8. BANTAHAN**

- 8.1. Jika sesuatu pasukan itu tidak berpuas hati dengan apa-apa keputusan, pengurus pasukan hendaklah mengemukakan bantahan rasmi kepada pihak Jawatankuasa selewat-lewatnya satu jam selepas tamatnya perlawanan tersebut dengan menyertakan wang tunia sebanyak **RM200.00**. Wang tersebut tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan ditolak.

## **9. PERKARA AM**

Sekiranya terdapat perkara-perkara lain yang tidak dijelaskan dalam peraturan ini, pihak Jawatankuasa berhak untuk menyesuaikan [eraturan yang berkenaan yang mana keputusan adalah **muktamad**.